



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 58  
No. 1

**8hb Januari 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 5.**

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 64(2)

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A  
PUBLIC PURPOSE UNDER SUBSECTION 64(2)

Bahwasanya, melalui Pemberitahuan No. 46/2009 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perlis* pada 8 Jun 2009, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], telah merizabkan tanah yang diperlakukan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pasar dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut dan bahawa tanah rizab tersebut hendaklah diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar.

Dan bahwasanya didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

8

[8hb Jan. 2015]

tanah tersebut dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat membantah terhadap pembatalan perizinan tersebut boleh mengemukakan bantahannya dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta* dan bantahan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis dalam suatu siasatan yang akan diadakan di pejabatnya pada 10 Februari 2015 jam 9.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 46/2009 published in the Perlis Government *Gazette* on 8 June 2009, the State Authority in exercise of the powers under section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Market and has designated that the State Secretary of Perlis shall have control of the said reserved land and that the said reserved land shall be maintained by the President of the Kangar Municipal Council.

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the reservation of the said land should be revoked.

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke the said reservation and that any person who desires to object against the said revocation may submit his objection within 30 days from the date of the publication of this Notification in the *Gazette* and the objection shall be heard by the Director of Land and Mines of Perlis at an inquiry to be held at his office on 10 February 2015 at 9.00 a.m.

### JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Arau. Daerah/*District*—Perlis. No. P.T./*P.T.* No.—4039. Luas/*Area*—2.2493 ekar/*acres*.

Bertarikh 5 Januari 2015

Dated 5 January 2015

[PTG.Ps.(AD) 394; SUK.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri*  
*Perlis/*  
*Secretary of State Legislative Assembly*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA